

NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 26 MAC 2014

RUJUKAN : 6566

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapakah dalam kes-kes tertentu melibatkan ahli politik dari sesebuah parti, biar pun beratus laporan polis dibuat mereka tidak didakwa sehingga kini, di manakah masalahnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis sentiasa menjalankan siasatan secara telus dan saksama tanpa mengira ideologi politik seseorang atau kedudukan status individu berkenaan. Siasatan akan dijalankan sekiranya terdapat laporan dibuat berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun keputusan untuk mendakwa seseorang itu atau sebaliknya adalah budi bicara Jabatan Peguam Negara. Berkaitan dengan dakwaan bahawa terdapat beratus laporan telah dibuat tapi tiada sebarang dakwaan terhadap laporan tersebut perlu dilihat daripada pelbagai aspek. Antara persoalan yang perlu dikemukakan sebelum siasatan dijalankan dan pendakwaan dibuat seperti berikut:-

- 1. Adakah laporan yang dibuat tersebut tergolong kepada kes jenayah atau merupakan kes sivil. Pihak polis hanya menjalankan siasatan kes yang berunsurkan jenayah.**

- 2. Adakah kesemua laporan tersebut menjurus kepada satu kesalahan yang sama, jika kesalahan yang sama, hanya satu kertas siasatan sahaja akan dibuka bukan untuk semua laporan yang dibuat kecuali kesalahan yang sama tapi berlaku di tempat yang berasingan, maka kertas siasatan yang berasingan akan dibuka mengikut tempat di mana kejadian berlaku.**

- 3. Adakah laporan tersebut di bawah bidang kuasa agensi lain, jika ada, maka rujukan kepada agensi berkenaan akan dibuat untuk tindakan agensi berkenaan.**

- 4. Setelah pihak polis selesai menjalankan siasatan, kertas siasatan akan dirujuk kepada pihak Peguam Negara untuk pendakwaan, atas budi bicara Peguam Negara untuk mendakwa atau tidak seseorang itu.**

Memandangkan persoalan yang dikemukakan tidak menyatakan secara spesifik berkaitan laporan yang dimaksudkan berkaitan dengan kesalahan apa dan siapa yang dimaksudkan, agak sukar bagi pihak polis untuk menjelaskan status laporan tersebut.